

Fenomena air pasang dijangka lebih buruk

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM
TAZALI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 OKT.

TIUPAN angin kencang dan laut yang bergelora sehingga Rabu ini dijangka memburukkan lagi kejadian air pasang besar yang sedang melanda beberapa negeri di Semenanjung ketika ini.

Keadaan itu akan menyebabkan limpahan air laut sekali gus memberi risiko kepada kawasan rendah di pesisir pantai.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan memak-

lumkan angin kencang barat daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam mampu menghasilkan ombak setinggi 3.5 meter di beberapa kawasan perairan di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak, Labuan dan Sabah.

“Selain itu, peningkatan paras air laut dijangka berlaku berikutan kawasan perairan seperti di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor sedang mengalami kejadian air pasang besar.

“Oleh itu, orang ramai yang tinggal berhampiran pantai dinasihatkan supaya berwaspada kerana angin kencang dan laut bergelora berbahaya kepada semua jenis aktiviti laut dan juga

bot-bot kecil,” katanya.

Fenomena air pasang besar telah melanda beberapa negeri bermula pada 20 September lalu dan sekali lagi melanda bermula kelmarin hingga Rabu ini yang menyebabkan ribuan penduduk di kawasan pantai bersiap sedia dipindahkan atas faktor keselamatan.

Dalam pada itu, jurucakap Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) berkata, ketinggian paras air pasang esok dijangka lebih tinggi berbanding hari ini.

“Orang ramai dinasihatkan supaya peka terhadap peningkatan tersebut kerana air pasang dan surut hanya berlaku pada masa-masa tertentu sahaja,” katanya.



OMBAK besar membadai pesisir pantai berikutan fenomena air pasang besar di Kota Kuala Muda, Kedah, semalam. - BERNAMA